



## PINDAAN GARIS PANDUAN POTONGAN BAGI PERBELANJAAN BERHUBUNG DENGAN YURAN KESETIAUSAHAAN DAN YURAN PEMFAILAN CUKAI MULAI TAHUN TAKSIRAN 2020

---

### 1. PENGENALAN

- 1.1 Yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai merupakan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh pembayar cukai bagi mematuhi keperluan perundangan dalam menjalankan perniagaan. Kedua-dua yuran ini tidak diberi potongan dalam pengiraan cukai pendapatan kerana tidak menyumbang secara langsung dalam penghasilan pendapatan perniagaan.
- 1.2 Potongan cukai pendapatan ini layak diberi kepada pembayar cukai yang menjalankan perniagaan dan bermastautin di Malaysia melalui Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014 [P.U.(A) 336/2014]. Amaun potongan adalah terhad bagi setiap tahun taksiran seperti berikut:
- i. Yuran kesetiausahaan - terhad RM5,000
  - ii. Yuran pemfailan cukai - terhad RM10,000

Rujukan kepada Garis Panduan Potongan Bagi Perbelanjaan Berhubung Dengan Yuran Kesetiausahaan Dan Yuran Pemfailan Cukai bertarikh 17/8/2018.

- 1.3 Bagi meningkatkan tahap pematuhan dan tadbir urus yang lebih baik, mulai tahun taksiran (TT) 2020, potongan cukai pendapatan bagi yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai telah digabungkan dan had yang dibenarkan adalah sehingga amaun maksimum sebanyak RM15,000 bagi setiap tahun taksiran.

### 2. TUJUAN

- 2.1 Garis panduan ini dikeluarkan untuk memberikan penjelasan mengenai layanan cukai bagi tuntutan perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

yuran pemfailan cukai termasuk pemfailan bagi cukai jualan, cukai perkhidmatan, levi pelepasan dan cukai pelancongan mulai TT 2020.

- 2.2 Walaupun Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020 [*P.U.(A) 162/2020*] telah dikeluarkan bagi menggantikan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014 [*P.U.(A) 336/2014*], garis panduan ini akan menerangkan layanan cukai bagi menuntut potongan yang melibatkan pemakaian kedua-dua P.U.(A) ini.

### **3. UNDANG-UNDANG**

- 3.1 Peruntukan bagi potongan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai adalah di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020 [*P.U.(A) 162/2020*] (KKCP 2020) dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014 [*P.U.(A) 336/2014*] (KKCP 2014);
- 3.2 seksyen 77, seksyen 77A, seksyen 77B, seksyen 83, seksyen 86, seksyen 107C di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967;
- 3.3 seksyen 26 Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*];
- 3.4 seksyen 26 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [*Akta 807*];
- 3.5 seksyen 19 Akta Levi Pelepasan 2019 [*Akta 813*]; dan
- 3.6 seksyen 19 Akta Cukai Pelancongan 2017 [*Akta 791*].

## 4. LAYANAN CUKAI

### 4.1 Yuran kesetiausahaan

Perbelanjaan yuran kesetiausahaan yang layak kepada potongan adalah bayaran yuran kesetiausahaan yang dikenakan berkenaan dengan perkhidmatan kesetiausahaan yang diberikan oleh setiausaha syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 (AS) [Akta 777] untuk mematuhi kehendak statutori di bawah AS 2016.

### 4.2 Tuntutan

4.2.1 Perbelanjaan yuran kesetiausahaan bagi memenuhi kehendak statutori di bawah AS 2016 yang layak diberikan potongan terdiri daripada perbelanjaan kesetiausahaan seperti khidmat nasihat berhubung mesyuarat syarikat, penyediaan resolusi pengarah, penerbitan saham, pengemukaan borang-borang yang ditetapkan di bawah AS 2016 dan lain-lain berhubung hal-hal syarikat.

4.2.2 Yuran kesetiausahaan tidak termasuk perbelanjaan sampingan seperti *reimbursement/out of pocket expenses*, telefon dan faks, percetakan, perbelanjaan alat tulis, pos, perjalanan, penginapan dan perbelanjaan mesyuarat agung.

4.2.3 Di bawah KKCP 2020 dan KKCP 2014 ini, potongan yuran kesetiausahaan layak diberi dalam tempoh asas tahun taksiran selepas perkhidmatan diterima (wujudnya liabiliti dan boleh dicaj ke akaun untung rugi) dan dibayar.

4.2.4 Berbanding dengan piawaian perakaunan, sesuatu perbelanjaan boleh diiktiraf setelah wujudnya liabiliti dan boleh dicaj ke akaun untung rugi walaupun perbelanjaan tersebut belum dibayar.

### 4.3 Yuran Pemfailan Cukai

- 4.3.1 Perbelanjaan yuran pemfailan cukai yang layak sebagai potongan cukai adalah:
- i. perbelanjaan bagi pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) di bawah seksyen 77, 77A, 77B, 83 dan 86 ACP;

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

- ii. perbelanjaan bagi pengemukaan borang berhubung dengan anggaran cukai dan bayaran ansuran di bawah seksyen 107C ACP seperti Borang CP204, CP204A dan CP204B;
- iii. perbelanjaan bagi pengemukaan penyata dalam borang yang ditetapkan di bawah seksyen 26 Akta Cukai Jualan 2018;
- iv. perbelanjaan bagi pengemukaan penyata dalam borang yang ditetapkan di bawah seksyen 26 Akta Cukai Perkhidmatan 2018;
- v. perbelanjaan bagi pengemukaan penyata dalam borang yang ditetapkan di bawah seksyen 19 Akta Levi Pelepasan 2019; dan
- vi. perbelanjaan bagi pengemukaan penyata dalam borang yang ditetapkan di bawah seksyen 19 Akta Cukai Pelancongan 2017.

4.3.2 Perbelanjaan yuran pemfailan cukai bagi pengemukaan BNCP layak dituntut bagi tempoh asas tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran itu. BNCP bagi TT 2019 perlu dikemukakan dalam tempoh tujuh bulan dari tarikh selepas penutupan tempoh perakaunan bagi tempoh asas TT 2019. Oleh itu perbelanjaan yang dilakukan dan dibayar bagi pengemukaan BNCP TT 2019 dalam tempoh asas bagi TT 2020 adalah layak mendapat potongan.

4.3.3 Perbelanjaan yuran pemfailan cukai bagi anggaran cukai dan bayaran ansuran di bawah seksyen 107C ACP bagi TT 2021 layak mendapat potongan bagi TT 2020 sekiranya dilakukan dan dibayar dalam tempoh asas bagi TT 2020.

4.3.4 Mulai 1 September 2018, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) telah digantikan dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). Perbelanjaan yuran pemfailan cukai bagi SST layak mendapat potongan di bawah KKCP 2020 bagi TT 2020 sekiranya dilakukan dan dibayar dalam tempoh asas bagi TT 2020.

4.3.5 Mulai TT 2020, perbelanjaan yuran pemfailan cukai bagi levi pelepasan dan cukai pelancongan layak mendapat potongan di bawah KKCP 2020 bagi TT 2020 sekiranya dilakukan dan dibayar dalam tempoh asas bagi TT 2020.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

4.3.6 Perbelanjaan yuran pemfailan hendaklah khusus untuk pemfailan borang-borang cukai/ levi pelepasan termasuk khidmat nasihat ejen cukai/ ejen bagi pihak pengendali atau pengendali asing berkaitan pengiraan cukai dan levi pelepasan syarikat. Perbelanjaan sampingan seperti *reimbursement/out of pocket expenses* seperti telefon dan faks, percetakan, perbelanjaan alat tulis, pos, perjalanan dan penginapan tidak layak diberi potongan.

**Contoh 1**

**Perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai dilakukan dan dibayar dalam tahun yang sama**

Syarikat Karisma Sdn Bhd (tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun) telah menerima inbois bertarikh 1/6/2020 daripada Cekap Secretarial Services Sdn Bhd (setiausaha syarikat berdaftar di bawah AS 2016) atas perkhidmatan kesetiausahaan untuk tempoh 1/1/2020 - 30/4/2020 sebanyak RM2,000. Syarikat telah membuat bayaran pada 1/7/2020.

Syarikat juga telah menerima inbois berkaitan perkhidmatan pemfailan cukai berhubung:

- (i) pengemukaan BNCP bagi TT 2019 di bawah seksyen 77C ACP pada 3/8/2020 sebanyak RM3,500 yang dibayar pada 2/11/2020; dan
- (ii) pengemukaan anggaran cukai Borang CP204 TT 2021 bagi bayaran ansuran di bawah seksyen 107C ACP pada 30/11/2020 sebanyak RM4,500 yang dibayar pada 14/12/2020.

Selain itu, syarikat ada menerima inbois daripada ejen yang dilantik untuk menguruskan pengemukaan penyata cukai jualan dan perkhidmatan, penyata levi pelepasan dan penyata cukai pelancongan bagi tahun 2020 berjumlah masing-masing sebanyak RM2,000, RM1,500 dan RM1,000 pada 27/11/2020. Kesemua bayaran telah dibuat pada 28/12/2020.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Perbelanjaan yang layak dilakukan		Tarikh inbois/ dilakukan	Tarikh dibayar	Amaun dibayar (RM)	Jumlah dibenarkan potongan dalam TT 2020 (RM)
Yuran kesetiausahaan	Perkhidmatan kesetiausahaan bagi tempoh 1/1/2020 - 30/4/2020 bagi TT 2020	1/6/2020	1/7/2020	2,000	2,000
Yuran pemfailan cukai	Pengemukaan BNCP TT 2019	3/8/2020	2/11/2020	3,500	3,500
	Pengemukaan CP204 TT 2021	30/11/2020	14/12/2020	4,500	4,500
	Pengemukaan penyata cukai jualan dan perkhidmatan TT 2020	27/11/2020	28/12/2020	2,000	2,000
	Pengemukaan penyata levi pelepasan TT 2020	27/11/2020	28/12/2020	1,500	1,500
	Pengemukaan penyata cukai pelancongan TT 2020	27/11/2020	28/12/2020	1,000	1,000
<b>Jumlah tuntutan bagi TT 2020</b>					<b>14,500</b>

Layanan cukai:

**Syarikat Karisma Sdn Bhd layak menuntut kesemua potongan atas yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai berjumlah RM14,500 bagi TT 2020 disebabkan perbelanjaan tersebut kesemuanya dilakukan dan dibayar dalam tempoh asas bagi TT 2020.**

**Contoh 2**

**Perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai dilakukan dan dibayar dalam tahun yang berbeza**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Fakta kes sama seperti di atas tetapi:

- (i) Karisma Sdn Bhd telah menerima inbois yuran kesetiausahaan daripada Cekap Secretarial Services Sdn Bhd atas perkhidmatan kesetiausahaan pada 30/11/2020 sebanyak RM6,000 di mana RM3,000 adalah bagi bayaran perkhidmatan kesetiausahaan bagi TT 2020, manakala RM3,000 selebihnya adalah bayaran perkhidmatan kesetiausahaan yang dibayar secara pendahuluan bagi TT 2021. Syarikat Karisma Sdn Bhd telah membuat bayaran pada 30/12/2020.
- (ii) Syarikat juga telah menerima inbois berkaitan perkhidmatan pemfailan cukai berhubung pengemukaan anggaran cukai Borang CP204 bagi bayaran ansuran di bawah seksyen 107C ACP bagi TT 2021 pada 30/11/2020 sebanyak RM4,500 yang dibayar pada 15/1/2021.

Perbelanjaan yang layak dilakukan		Tarikh inbois	Tarikh dibayar	Amaun dibayar (RM)	Jumlah dibenarkan potongan dalam TT 2020 (RM)
Yuran kesetiausahaan	Perkhidmatan kesetiausahaan bagi TT 2020 – RM3,000	30/11/2020	30/12/2020	6,000	3,000
	Perkhidmatan kesetiausahaan bagi TT 2021 – RM3,000 (Bayaran pendahuluan)				
Yuran pemfailan cukai	Pengemukaan BNCP bagi TT 2019	3/8/2020	2/11/2020	3,500	3,500
	Pengemukaan CP204 TT 2021	30/11/2020	15/1/2021	4,500	-
	Pengemukaan penyata cukai jualan dan perkhidmatan TT 2020	27/11/2020	28/12/2020	2,000	2,000
	Pengemukaan penyata levi pelepasan TT 2020	27/11/2020	28/12/2020	1,500	1,500

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

	Pengemukaan penyata cukai pelancongan TT 2020	27/11/2020	28/12/2020	1,000	1,000
<b>Jumlah tuntutan bagi TT 2020</b>					<b>11,000</b>

Layanan cukai:

**Syarikat Karisma Sdn Bhd layak menuntut potongan atas yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai yang dilakukan dan dibayar dalam tempoh asas bagi TT 2020 iaitu berjumlah RM11,000. Bagi tuntutan yuran kesetiausahaan yang dibayar secara pendahuluan, Syarikat Karisma Sdn Bhd hanya layak menuntut potongan atas yuran kesetiausahaan sebanyak RM3,000 bagi TT 2020 dan bayaran yuran kesetiausahaan yang dibayar secara pendahuluan akan dibenarkan dituntut pada TT 2021 apabila perkhidmatan kesetiausahaan itu diterima dalam tempoh asas TT 2021. Bagi bayaran perkhidmatan anggaran cukai bayaran ansuran di bawah seksyen 107C ACP bagi TT 2021, perbelanjaan perkhidmatan tersebut hanya akan dibenarkan dalam TT 2021 kerana dibayar pada 15/1/2021.**

**Contoh 3**

**Perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai dilakukan dan dibayar dalam tahun yang sama dan melibatkan pemakaian KKCP 2014 dan KKCP 2020**

Syarikat Widuri Sdn Bhd (tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun) telah menerima inbois bertarikh 3/1/2020 daripada Wibawa Secretarial Services Sdn Bhd (setiausaha syarikat berdaftar di bawah AS 2016) atas perkhidmatan kesetiausahaan untuk tempoh 1/1/2019 - 31/12/2019 sebanyak RM6,000. Syarikat telah membuat bayaran pada 6/7/2020.

Selain itu, syarikat juga menerima inbois bertarikh 2/11/2020 atas perkhidmatan kesetiausahaan untuk tempoh 1/1/2020 - 31/10/2020 sebanyak RM4,000. Syarikat telah membuat bayaran pada 11/1/2021.



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Syarikat juga telah menerima inbois berkaitan perkhidmatan pemfailan cukai berhubung:

- (i) pengemukaan BNCP bagi TT 2019 di bawah seksyen 77A ACP pada 1/11/2020 sebanyak RM3,500 yang dibayar pada 11/1/2021; dan
- (ii) pengemukaan anggaran cukai Borang CP204 TT 2021 bagi bayaran ansuran di bawah seksyen 107C ACP pada 30/11/2020 sebanyak RM4,500 yang dibayar pada 14/12/2020.

Selain itu, syarikat ada menerima inbois daripada ejen yang dilantik untuk menguruskan pengemukaan penyata cukai jualan dan perkhidmatan, penyata levi pelepasan dan penyata cukai pelancongan bagi tahun 2020 berjumlah masing-masing sebanyak RM2,500, RM2,000 dan RM1,500 pada 27/11/2020. Kesemua bayaran telah dibuat pada 28/12/2020.

Perbelanjaan yang layak dilakukan		Tarikh inbois/ dilakukan	Tarikh dibayar	Amaun dibayar (RM)	Jumlah dibenarkan potongan dalam TT 2020 (RM)
Yuran kesetiausahaan	Perkhidmatan kesetiausahaan bagi tempoh 1/1/2019 - 31/12/2019 bagi TT 2019	3/1/2020	6/7/2020	6,000	5,000
Yuran kesetiausahaan	Perkhidmatan kesetiausahaan bagi tempoh 1/1/2020 - 31/10/2020 bagi TT 2020	2/11/2020	11/1/2021	4,000	-
Yuran pemfailan cukai	Pengemukaan BNCP TT 2019	1/11/2020	11/1/2021	3,500	-
	Pengemukaan CP204 TT 2021	30/11/2020	14/12/2020	4,500	4,500
	Pengemukaan penyata cukai jualan dan perkhidmatan TT 2020	27/11/2020	28/12/2020	2,500	2,500
	Pengemukaan penyata levi pelepasan TT 2020	27/11/2020	28/12/2020	2,000	2,000

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

	Pengemukaan penyata cukai pelancongan TT 2020	27/11/2020	28/12/2020	1,500	1,500
<b>Jumlah tuntutan bagi TT 2020</b>					<b>15,500</b>

Layanan cukai:

**Syarikat Widuri Sdn Bhd layak menuntut potongan atas yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai yang dilakukan dan dibayar dalam tempoh asas bagi TT 2020 iaitu berjumlah RM15,500 yang melibatkan pemakaian KKCP 2014 dan KKCP 2020. Jumlah ini adalah terdiri daripada yuran kesetiausahaan yang dibayar bagi perkhidmatan TT 2019 di mana amaun potongan dibenarkan adalah terhad kepada RM5,000 sahaja berdasarkan KKCP 2014. Jumlah selebihnya sebanyak RM10,500 adalah jumlah kumulatif bagi yuran pemfailan cukai yang diinbois dan dibayar dalam tempoh asas TT 2020 berdasarkan KKCP 2020. Bagi tuntutan yuran kesetiausahaan bagi TT 2020 dan yuran pemfailan cukai bagi pengemukaan BNCP TT 2019 yang dibayar lewat pada 11/1/2021, tuntutan hanya layak sebagai potongan dalam tempoh asas TT 2021 apabila bayaran dibuat.**

**Contoh 4**

**Perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai dilakukan dan dibayar bagi TT 2020 dan seterusnya**

Fakta kes sama seperti di atas tetapi bagi TT 2021:

- (i) Widuri Sdn Bhd telah menerima inbois bagi yuran pemfailan cukai bagi perkhidmatan pengemukaan CP 204 TT 2021 daripada Wibawa Secretarial Services Sdn Bhd pada 30/11/2020 sebanyak RM4,500. Syarikat Widuri Sdn Bhd tidak dapat membuat bayaran dalam tahun asas TT 2020 dan hanya dapat membuat bayaran pada 11/1/2021.

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

- (ii) Selain itu, syarikat juga menerima inbois bagi pengemukaan BNCP bagi TT 2020 di bawah seksyen 77A ACP pada 29/10/2021 sebanyak RM3,500 yang dibayar pada 1/12/2021.
- (iii) Syarikat juga telah menerima inbois berkaitan perkhidmatan pemfailan cukai berhubung pengemukaan CP 204 TT 2022 pada 30/11/2021 sebanyak RM4,000 yang dibayar pada 4/2/2022.
- (iv) Syarikat juga ada menerima inbois bagi menguruskan pengemukaan penyata cukai jualan dan perkhidmatan, penyata levi pelepasan dan penyata cukai pelancongan bagi tahun 2020 berjumlah masing-masing sebanyak RM2,500, RM2,000 dan RM1,500 pada 29/11/2021. Kesemua bayaran telah dibuat pada 28/12/2021.

Perbelanjaan yang layak dilakukan		Tarikh inbois/ dilakukan	Tarikh dibayar	Amaun dibayar (RM)	Jumlah dibenarkan potongan dalam TT 2021 (RM)
Yuran kesetiausahaan	Perkhidmatan kesetiausahaan bagi tempoh 1/1/2020 - 31/10/2020 bagi TT 2020	2/11/2020	11/1/2021	4,000	4,000
Yuran pemfailan cukai	Pengemukaan BNCP TT 2019	1/11/2020	11/1/2021	3,500	3,500
	Pengemukaan CP204 TT 2021	30/11/2020	11/1/2021	4,500	4,500
	Pengemukaan BNCP TT 2020	29/10/2021	1/12/2021	3,500	3,500
	Pengemukaan CP204 TT 2022	30/11/2021	4/2/2022	4,000	-
	Pengemukaan penyata cukai jualan dan perkhidmatan TT 2020	29/11/2021	28/12/2021	2,500	2,500
	Pengemukaan penyata levi pelepasan TT 2020	29/11/2021	28/12/2021	2,000	2,000

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

---

	Pengemukaan penyata cukai pelancongan TT 2020	29/11/2021	28/12/2021	1,500	1,500
<b>Jumlah keseluruhan yang dibayar dalam tempoh asas TT 2021</b>					<b>21,500</b>
<b>Jumlah tuntutan dibenarkan bagi TT 2021</b>					<b>15,000</b>

Layanan cukai:

**Syarikat Widuri Sdn Bhd layak menuntut potongan atas yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai yang dilakukan dan dibayar dalam tempoh asas TT 2021 iaitu terhad kepada amaun RM15,000. Walaupun syarikat telah membuat bayaran sebanyak RM21,500 dalam tahun 2021, tuntutan adalah terhad kepada RM15,000 sahaja dengan merujuk kepada KKCP 2020. Bagi tuntutan yuran pemfailan cukai bagi perkhidmatan pengemukaan CP204 TT 2022 yang dibayar pada tempoh asas TT 2022 sebanyak RM4,000, syarikat hanya layak menuntut potongan tersebut dalam TT 2022 apabila bayaran tersebut dibuat.**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

11 Mei 2021

s.k. LHDN.01/35/(S)/42/51/286-48